

Home » MPOB meterai MoU dengan Agensi Nuklear



Ahmad Parvez bersama dokumen perjanjian yang ditandatangannya semalam.

MPOB meterai MoU dengan Agensi Nuklear

Oleh KOSMO! 17 Ogos 2021, 10:17 am

PETALING JAYA – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi semalam memeterai penjanjian persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam pelaksanaan dua projek penyelidikan berdasarkan sawit menggunakan teknologi sinaran selain bagi projek lain yang berpotensi pada masa depan.

MoU berkenaan merupakan langkah permulaan dan akan bertindak sebagai payung bagi kerjasama pelaksanaan projek penyelidikan di antara MPOB dan Agensi Nuklear Malaysia.

Projek pertama melibatkan penyelidikan bersama dalam poliol sawit dan bio-poliol poliester untuk penghasilan penyerakan poliuretana akrilat berdasarkan air bagi penghasilan bahan salutan termaju menggunakan teknologi sinaran.

Sementara projek kedua pula adalah penyelidikan bersama dalam poliol sawit dan bio-poliol poliester untuk penghasilan resin fotopolimer bagi penghasilan pencetakan perancah 3D untuk kejuruteraan tisu dalam aplikasi biomedik menggunakan teknologi sinaran.

Ketua Pengarah MPOB, Ahmad Parvez Ghulam Kadir berkata, MPOB mempunyai teknologi dan kapakaran untuk menghasilkan poliol berdasarkan sawit serta bio-poliol poliester dan MoU berkenaan akan menambah kemahiran pegawai penyelidiknya untuk pembangunan lestari menggunakan teknologi sinaran.

"Projek ini merupakan penerokaan baharu untuk poliol sawit dan bio-poliol poliester dan produk yang akan dihasilkan adalah lebih mesra alam."

"Ia juga membuka peluang pengkomersialan bagi produk berasaskan sawit yang menggunakan teknologi sinaran," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Siti A'iasah Hashim berkata, beliau berharap hasil kerjasama penyelidikan itu dapat mencetuskan industri baharu yang boleh menyokong usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi yang mapan.

"Keadaan semasa negara yang sedang berusaha menangani pandemik Covid-19 diharap tidak akan menjaskannya dan menangguhkan aktiviti yang dirancang agar objektif projek yang telah ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya," katanya.

BERITA SELANJUTNYA

by



Jantung Siti Sarah hampir gugur pembantu rumah positif Covid-19



Bukan susu sendiri, tapi kawan saya punya – Syatilla



Get your grocery essentials with Unlimited Free Delivery



Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Membuat Orang Kaya



'Orang macam hang patut tanam hidup-hidup'



"Kalau semua letak jawatan siapa hendak buat kerja."



RICHWORKS®
"Peluang untuk berubah menjadi usahawan digital era pandemik"

BANGKIT
BISNES DARI KRISIS 3.0
SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL
27-29 OGOS 2021

DATUK WIRA DR. AZIZAN OSMAN
MENTOR USAHAWAN DAN PAMERAN PEMASARAN NO.1 ASIA

Program TERBARU! Daftar sekarang sebelum Pendaftaran ditutup.
100% PERCUMA & 100% KEBAJIKAN

[KLICK DI SINI](#)

KEMEN
PEMBIAYAAN
PERSENDIRIAN-I
PEMBIAYAAN SEHINGGA
RM200,000

MONEY FOR MERDEKA 2.0

www.cbp.com.my |

POPULAR



Agong bertegas yang menang tak semua, yang kalah tak semua

18 Ogos 2021, 11:03 am



Kemanisan hijrah 6 selebriti wanita

18 Ogos 2021, 10:55 am



Varane mahu julang The Red Devils

18 Ogos 2021, 10:50 am



Rahsia tubuh seksi Karra Syam

18 Ogos 2021, 10:50 am

BERITA BERKAITAN



Johor Port sumbang RM1 juta kepada UTM

18 Ogos 2021, 9:30 am



PFS 2021 galak siswazah ceburi perniagaan francais

18 Ogos 2021, 9:25 am



SM4RT TANI sedia teknologi digital untuk golongan petani

18 Ogos 2021, 9:19 am





Perolehan suku kedua DRB-HICOM naik 30.8 peratus

18 Ogos 2021, 8:43 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami